

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
27 JUN 2014**

1. BIL CUKAI PINTU UNTUK PENGGAL KEDUA 2014

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa bil cukai pintu untuk Penggal Kedua 2014 akan mula diterima oleh semua pemilik premis di Seberang Perai mulai 25 Jun 2014 dan pembayaran perlu dibuat sebelum 31 Ogos 2014. Bagi pemilik premis yang masih belum menerima bil cukai pintu, semakan boleh dibuat di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my. Di samping itu, jika terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi di talian 04-5497470 / 471 / 696 / 697 / 468 atau e-mail ke waran@mpsp.gov.my.

2. PEMBUKAAN KAUNTER BERPUSAT PADA HARI SABTU & AHAD SEMPENA BULAN JULAI DAN OGOS

Dimaklumkan bahawa perkhidmatan Kaunter Berpusat, MPSP akan dibuka pada hari Sabtu dan Ahad sempena bulan bayaran cukai taksiran Majlis Perbandaran Seberang Perai sepanjang

bulan Julai & Ogos. Perkhidmatan Kaunter berpusat akan beroperasi seperti ketetapan berikut :

Hari	Waktu Operasi
Sabtu	8.30 pagi – 12.30 tengahari
Ahad	8.30 pagi – 12.30 tengahari
Kaunter ditutup pada hari cuti umum	

Pembukaan perkhidmatan kaunter ini adalah untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan dan stakeholders bagi membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun pertama khasnya dan bayaran lain perkhidmatan MPSP.

3. SEMAKAN KADAR SEWA GERAI BAGI KOMPLEKS MAKANAN DAN PASAR AWAM

Adalah dimaklumkan bahawa MPSP telah menjalankan kajian berhubung kadar sewa gerai yang berkuatkuasa sejak 1.1.1992. Hasil kajian mendapati kadar sewa yang dikenakan MPSP sekarang adalah antara yang terendah berbanding dengan lain-lain Pihak Berkuasa Tempatan. Kadar sewa semasa adalah antara RM30.00 hingga RM 120.00 sebulan berdasarkan jenis jualan.

Kajian juga meliputi kos operasi dan penyelenggaraan yang dibelanjakan dan wujud peningkatan sehingga kutipan sewa tidak dapat lagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan. Sehubungan dengan itu Majlis telah meluluskan kadar sewaan dalam Mesyuarat Majlis Penuh pada 23 Mei 2014 untuk sewa kompleks makanan dan pasar awam MPSP.

Kadar sewa baru yang disepak adalah berdasarkan kepada jenis jualan, lokasi gerai dan sambutan pelanggan. Kadar kenaikan sewa baru ini akan mula dikuatkuasakan pada 1 September 2014.

4. MPSP TELAH BERJAYA MEMENANGI ANUGERAH FLORIA PRESIDENT'S AWARD DALAM FESTIVAL FLORA DAN TAMAN FLORIA PUTRAJAYA 2014

MPSP telah memasuki Pertandingan Festival Flora Dan Taman Floria PUTRAJAYA 2014 yang telah diadakan di Persisiran Tasik Presint 4, Putrajaya pada 14 Jun hingga 22 Jun 2014. Festival ini telah dirasmikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah pada 14 Jun 2014 dan MPSP telah terpilih untuk memenangi anugerah FLORIA PRESIDENT'S AWARD dalam Festival Flora Dan Taman Floria

PUTRAJAYA 2014. Hadiah bagi anugerah ini adalah dalam bentuk sijil. Antara agensi-agensi lain yang turut terpilih adalah Tourism Terengganu dan juga Putrajaya Holding (PJH). Majlis penyampaian hadiah dan majlis penutup FLORIA 2014 telah diadakan pada 22 Jun 2014 (Ahad) dan telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato Seri Dr Aseh Bin Haji Che Mat (Presiden Perbadanan Putrajaya). Tahniah diucapkan kepada semua warga MPSP yang turut serta dalam menjayakan majlis ini.

5. PERKHIDMATAN PELUPUSAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AM DI SELURUH SEBERANG PERAI MULAI 01 JULAI 2014.

MPSP telah menetapkan KEBERSIHAN sebagai Fokus 1 di dalam Fokus Strategi 2014. Bagi mencapai sasaran tersebut, MPSP telah meletakkan sasaran untuk pengambilalihan keseluruhan (100%) Perkhidmatan Pelupusan Sampah dan Pembersihan Am di seluruh Seberang Perai mulai 01 Julai 2014.

Bagi memastikan pengambilalihan ini berjalan lancar, MPSP telah membuat pengambilan pekerja pembersihan dan pembelian jentera serta peralatan selaras dengan keperluan semasa. Sehingga kini seramai 1743 orang Pekerja Awam kontrak telah

diambil bagi tujuan tersebut. Baki pekerja seramai 467 orang lagi sedang dalam proses lantikan.

Majlis juga telah membuat pembelian tambahan sebanyak 21 buah lori kompaktor dijadualkan penerimaan secara berperingkat mulai Julai sehingga Disember 2014.

Kerja-kerja kutipan sampah yang kini sedang dilaksanakan oleh kontraktor akan diambil alih oleh MPSP dengan menggunakan lori sampah yang disewa dan proses tender penyewaan lori sampah kini dalam peringkat penilaian dan lantikan akan dibuat pada 30 Jun 2014.

Bagi pelan kontigensi untuk melicinkan pengambilan semula pengurusan sisa pepejal ini, Majlis merancang untuk melakukan kutipan sampah dengan menggunakan lori-lori yang sediaada secara syif.

- Syif Pertama : 6.00 pagi – 3.00 petang
- Syif Kedua : 5.00 petang – 2.00 pagi

Kawasan – kawasan yang terlibat dalam syif kedua adalah seperti di **Lampiran 1**. Maklumat ini juga boleh diperolehi daripada laman web MPSP. (www.mpsp.gov.my)

Warga Seberang Perai dipohon untuk memberi kerjasama bagi memastikan kelancaran kerja-kerja kutipan sampah dengan mengeluarkan sampah dan tong mengikut jadual yang telah ditetapkan. Sebarang kesulitan dalam tempoh ini, amatlah dikesali dan Majlis akan berusaha untuk meminimalkan dan mengurangkan masalah di lapangan.

6. PEMBELIAN KENDERAAN BARU

Sukacita ingin saya maklumkan di sini bahawa MPSP telah membeli 5 unit kompaktor jenis Hino 500 untuk kegunaan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Kapasiti muatan kompaktor adalah 14m³. Pembelian kenderaan ini adalah bagi melancarkan kerja-kerja pembersihan dan memberi perkhidmatan kepada *stakeholders*. Pembelian ini adalah tambahan kepada 56 kompaktor sedia ada. Dari Julai hingga Disember 2014, MPSP akan menerima lagi 21 kompaktor baru.

7. LARIAN MENARA MPSP 2014

Pada 24 Ogos 2014 (Ahad) akan diadakan Larian Menara MPSP 2014, di bangunan MPSP, Bandar Perda. Program tersebut bermula jam 5:30 pagi hingga 11:30 pagi. Jarak larian adalah sejauh 7 kilometer + 412 anak tangga hingga ke tingkat 16. Tahun lepas seramai 738 peserta telah mengambil bahagian. Pada tahun ini kita mensasarkan penyertaan sebanyak 1500 peserta. Tuan/puan adalah dijemput untuk hadir bagi memeriahkan lagi program tersebut.

8. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan dihentikan untuk seketika bagi menghormati bulan Ramadhan yang mulia ini. Program senamrobik ini akan diteruskan seperti biasa pada bulan Ogos 2014 dan tarikh akan dimaklumkan kelak.

9. SELAMAT BERPUASA

Dimaklumkan, semua umat Islam dijangka akan menyambut Ramadhan al-Mubarak pada 29 Jun 2014 (Ahad). Justeru itu, saya

ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang.

10. HARI ULANG TAHUN PERISYTIHARAN TAPAK WARISAN DUNIA DAN HARI NUZUL AL QURAN

Dimaklumkan bahawa pada hari Isnin, 7 Julai 2014 adalah Hari Ulang Tahun Perisytiharan Georgetown sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Manakala Hari Nuzul Quran akan disambut pada 15 Julai 2014 (Selasa), bersamaan 17 Ramadhan 1435H. Kedua hari tersebut adalah merupakan hari cuti umum bagi negeri Pulau Pinang.

SEKIAN, TERIMA KASIH.